

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PENGGAL KELIMA

ATORAN URUSAN MESHUARAT

HARI KHAMIS, 23^{HB} MEI, 1963, PUKUL 10 PAGI

No. 1

SALINAN UCHAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

***1. Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar apa-kah yang telah di-buat sa-hingga ini tentang rancangan Kerajaan menerusi Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan (RIDA) untok membangunkan sa-buah bangunan besar bagi ahli² perniagaan Melayu di-pusat Bandaraya Kuala Lumpur; apa-kah sebab-nya rancangan bangunan itu terlalu lambat bagi di-laksanakan dan jika ada galangan²-nya sebutkan satu-persatu-nya.

***2. Enche' V. David** bertanya kepada Perdana Menteri berapa haribulan akan di-adakan persidangan kemunchak di-antara Indonesia, Filipina dan Persekutuan Tanah Melayu dan ada-kah Perdana Menteri sendiri hendak hadir dalam Persidangan ini.

***3. Enche' V. David** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Indonesia telah bersetuju tidak akan membincangkan soal Malaysia dan jika betul, tolong nyatakan apa dia agenda Persidangan ini.

***4. Enche' V. David** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Perdana Menteri hendak memashhorkan Malaysia sa-lewat²-nya pada 31^{hb} Ogos, 1963, dengan memandang kepada gerak derhaka di-Sarawak.

***5. Enche' Ng Ang Teck** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah warga negara Malaysia sama² berhak boleh masok Malaysian Civil Service.

***6. Enche' Ng Ang Teck** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah kadar 4 : 1 itu akan berjalan sa-telah tertuboh Malaysia dan di-pakaikan kepada orang² yang hendak masok Malaysian Civil Service dan jika ya, bagaimana akan di-pakaikan kadar ini kepada warga negara Malaysia perengkat² yang tersebut di-bawah ini :

- (a) Warga negara Malaysia dalam Persekutuan Tanah Melayu yang berasal bukan Melayu.
- (b) Warga negara Malaysia dalam Singapura yang berasal bukan Melayu.
- (c) Warga negara Malaysia dalam Brunei yang berasal bukan Melayu.
- (d) Warga negara Malaysia dalam Sabah yang berasal bukan Melayu.
- (e) Warga negara Malaysia dalam Sarawak yang berasal bukan Melayu.

***7. Enche' Ng Ang Teck** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah warga negara Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei daripada bangsa

Melayu akan mendapat keistimewaan khas yang di-sharatkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, pada hal di-antara warga negara negeri² yang tersebut di-atas itu tidak di-timbangkan mendapat keistimewaan² khas.

***8. Enche' V. Veerappen** bertanya kepada Menteri Kesihatan apa sebabnya di-rentikan memberi daging babi dalam makanan² yang di-sediakan untuk orang² sakit yang bukan beragama Islam dalam rumah² sakit Kerajaan.

***9. Enche' V. Veerappen** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah Menteri Kesihatan akan menimbangkan balek memberi daging babi kepada orang² sakit yang bukan beragama Islam dalam rumah² sakit.

PADA PERMULAAN URUSAN KERAJAAN MENGELUARKAN RANG UNDANG² KERAJAAN

1. Perdana Menteri:
Rang Undang² Lambang² dan Nama (Mengelakkan di-pakai pada jalan yang salah).
2. Perdana Menteri:
Rang Undang² Perlembagaan (Pindaan).
3. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1962 dan 1963) (No. 2).
4. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Pinjaman dari Luar Negeri.
5. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Menjamin Pinjaman (Pindaan).

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU² USUL

1. **Menteri Keselamatan Dalam Negeri** akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Pesuruhjaya Polis menjaga supaya, sa-lama persidangan Dewan Ra'ayat yang ada sekarang, jalan² melalui lorong² menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh di-lalui, dan jangan ada apa² halangan menggalang Ahli² hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa² kachau-bilau di-jalan² menuju arah ka-Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di-bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setia-Usaha Majlis hendak-lah menyampaikan perintah ini kepada Pesuruhjaya Polis yang tersebut itu.

2. **Timbalan Perdana Menteri** akan menchadangkan:

Bahawa menurut perenggan 2 dalam Peratoran Meshuarat 76, sa-buah Jawatan-Kuasa mengandongi Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi-nya dan enam orang Ahli Dewan Ra'ayat yang tersebut di-bawah ini, di-lantek jadi Jawatan-Kuasa Pemilih:

Timbalan Perdana Menteri
Menteri Dalam Negeri
Menteri Kewangan
Enche' V. Manickavasagam
Enche' Lim Kean Siew
Dr Burhanuddin bin Mohd. Noor.

3. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohamed Shah di-lantek jadi Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara.

4. Enche' T. Mahima Singh akan menchadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat di-dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak-banyak shukor dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kelima Parlimen."

5. Perdana Menteri akan menchadangkan:

Menurut syarat² sekshen kechil (3) dalam sekshen 6 dalam Undang² Menteri² Penolong tahun 1960, Majlis ini memutuskan ia-itu elaun² dan keistemewaan² yang di-bentangkan dalam Surat Perintah No. 11 tahun 1963 di-berikan kepada sa-saorang Menteri Penolong yang menjalankan apa² kewajipan Kerajaan di-luar Persekutuan Tanah Melayu, dan elaun² demikian itu di-berikan hanya sa-bagai ganti elaun makan yang di-tetapkan dalam perenggan 3 dalam Jadual Undang² ini.

6. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa wang tidak lebih daripada \$24,950,010 hendak-lah di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1963, dan untok menepati tujuan² Kepala² dan Bahagian Kepala yang di-bentangkan dalam ruangan kedua dalam Penerangan yang di-bentangkan sa-bagai Surat Perintah No. 16 tahun 1963 hendak-lah di-untukkan wang peruntukan yang di-sebutkan bertentang dengan Kepala² dan Bahagian Kepala yang tersebut itu dalam ruangan kelapan dan kesembilan dalam Penerangan itu.

7. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu kumpulan wang yang di-namakan "Agricultural Short-Term Credit Account" yang di-sebutkan dalam Jadual Kedua dalam Undang² Peratoran Kewangan tahun 1957 hendak-lah di-pakai lagi dan kemudian daripada ini di-namakan "Co-operative Credit Fund" dan menurut syarat² sekshen kechil (4) dalam sekshen 10 dalam Undang² yang tersebut itu, Jadual Kedua yang di-sebutkan di-atas tadi hendak-lah di-pinda dengan kerana ini.

8. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu menurut syarat² sekshen kechil (4) dalam sekshen 10 dalam Undang² Peratoran Kewangan tahun 1957, Jadual Kedua dalam Undang² yang tersebut itu hendak-lah di-pinda dengan di-masokkan perkara baharu yang di-namakan "Royal Loans Trust Fund."

9. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa menurut syarat² sekshen kechil (4) dalam sekshen 10 dalam Undang² Peratoran Kewangan tahun 1957, Jadual Kedua dalam Undang² yang tersebut itu hendak-lah di-pinda dengan di-tambah perkara baharu saperti yang tersebut di-bawah ini:

"The Social and Welfare Services Trust Fund."

10. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu menurut kuasa² yang terserah kapada Majlis ini oleh seksyen kecil (2) dalam seksyen 10 dalam Undang² Kastam tahun 1952, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 4) tahun 1963 yang telah di-bentangkan dalam Majlis ini sa-bagai Surat Perintah No. 31 tahun 1963 di-sahkan.

11. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu menurut kuasa² yang terserah ka-atas-nya dalam seksyen kecil (2) dalam seksyen 7 dalam Undang² Excise tahun 1961, Perintah Chukai² Excise tahun 1963 yang telah di-bentangkan dalam Majlis sa-bagai Surat Perintah No. 33 tahun 1963 di-sahkan.

12. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu menurut kuasa² yang terserah ka-atas-nya oleh seksyen kecil (2) dalam seksyen 10 dalam Undang² Kastam tahun 1952, Perintah Chukai² Kastam (Pindaan) (No. 5) tahun 1963 yang telah di-bentangkan dalam Majlis sa-bagai Surat Perintah No. 32 tahun 1963 di-sahkan.

13. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Majlis ini memperkenankan, menurut seksyen kecil (1) dalam seksyen 3 dalam Undang² Pinjaman (Tempatan) tahun 1959, di-pinjam wang dengan jalan mengeluarkan stock sa-bagaimana yang di-sharatkan dalam Undang² itu, ia-itu sa-banyak \$300,000,000 yang akan di-pakaikan menurut syarat² Undang² itu.

14. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa apa² wang yang ada untuk di-jalankan menurut seksyen kecil (3) dalam seksyen 8 dalam Undang² Peratoran Kewangan tahun 1957 (No. 62 tahun 1957), dengan kuasa ketetapan Majlis ini, boleh-lah di-jalankan untuk membeli jongkong emas atau mata wang emas dengan syarat, menjalankan wang itu di-buat sa-telah bertanya fikiran Governor, Bank Negara Tanah Melayu, dan harga jongkong emas dan mata wang emas yang telah di-beli pada bila² masa dan harga apa² jua jongkong emas dan mata wang emas yang dalam tangan Kerajaan menurut seksyen kecil tadi hendak-lah jangan lebeh daripada sa-ratus juta ringgit.

15. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu menurut kuasa² yang terserah ka-atas-nya dalam seksyen kecil (2) dalam seksyen 7 dalam Undang² Excise, tahun 1961, Perintah Chukai² Excise (No. 2) tahun 1963 yang telah di-bentangkan dalam Majlis sa-bagai Surat Perintah No. 37 tahun 1963 di-sahkan.

16. Enche' V. David akan menchadangkan:

Oleh kerana ada perasaan tidak puas hati di-antara Mata² di-sebabkan oleh tangga gaji mereka sekarang dan oleh peluang² hendak naik pangkat, maka Majlis ini berpendapat ia-itu sa-buah Jawatan-Kuasa hendak-lah di-lantek oleh Kerajaan bagi menyiasat dengan sa-penoh-nya dalam perkara ini.

17. Enche' V. David akan menchadangkan:

Oleh kerana ada perasaan tidak puas hati di-antara orang² Kerajaan yang bergaji hari di-sebabkan oleh tangga gaji mereka, Majlis ini berpendapat ia-itu sa-buah Jawatan-Kuasa hendak-lah di-lantek oleh Kerajaan bagi menyiasat dengan sa-penoh-nya dalam perkara ini.

18. Enche' V. David akan menchadangkan:

Memandang kapada penyata Mahkamah Penyasat yang menyiasat hal perselisihan antara Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu dengan Persatuan Pekerja² Keretapi Tanah Melayu yang terkandung dalam Command Paper No. 7 tahun 1963, Majlis ini yakin betul² ia-itu Mogok Keretapi dahulu ia-lah di-sebabkan oleh Menteri Pengangkutan tidak bertanggung-jawab dan dengan sebab itu meminta kapada Menteri Pengangkutan supaya meletakkan jawatan.

RISALAT² YANG DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

1963		Tarikh di-bawa
ST. 22	... Penyata Tahunan Yang Keempat dan Kenyataan Kira ² Bank Negara, Tanah Melayu	29hb Mach, 1963
ST. 21	... Penyata Lembaga Pusat Pelesen bagi tahun yang berakhir pada 31hb Disember, 1962	30hb Mach, 1963
ST. 25	... Peratoran Kumpulan Wang Perusahaan Getah Tanah Melayu (Penyelidekan dan Kemajuan), 1961 ...	15hb April, 1963
ST. 26	... Peratoran Kumpulan Wang Perusahaan Getah Tanah Melayu (Penyelidekan dan Kemajuan) (Pindaan), 1963	15hb April, 1963
ST. 24	... Penyata Lembaga Kumpulan Wang (Menentang Turun-naik Harga) Perusahaan Getah bagi tahun yang berakhir pada 31hb Disember, 1962	18hb April, 1963
ST. 27	... Perintah (Melarang) Mengimpotkan Penerbitan ² (Pindaan) (No. 3), 1963	18hb April, 1963
Cmd. 10	... Penyata Jawatan-Kuasa Melanchong Sambil Belajar yang di-lantek oleh Kabinet	25hb April, 1963
ST. 28	... Penyata Tahunan oleh Pendaftar Sharikat ² , Persekutuan Tanah Melayu, bagi tahun yang berakhir pada 31hb Disember, 1962	29hb April, 1963
ST. 30	... Peratoran ² Lalu Lintas Jalan Raya (Mengawal Murid ² Sekolah Menyeberang Jalan), 1963	29hb April, 1963
ST. 31	... Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 4), 1963 ...	1hb Mei, 1963
ST. 32	... Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 5), 1963 ...	1hb Mei, 1963
ST. 33	... Perintah Chukai ² Bea, 1963	1hb Mei, 1963
ST. 29	... Penyata Tahunan Ranchangan (Bekalan yang lebeh baik) Beneh ² Menanam Perusahaan Getah (Pekebun ² Kechil), 1959—bagi tahun yang berakhir 1961 ...	4hb Mei, 1963
ST. 34	... Perintah di-bawah Undang ² Perbandaran (Meluaskan Kuasa-nya), 1948, bagi memakaikan sharat ² Undang ² Perbandaran Negeri ² Selat kapada Perbandaran Ipoh	4hb Mei, 1963
Cmd. 11	... Elaun dan hak ² istemewa Menteri ² Penolong dalam masa menjalankan tugas ² Kerajaan di-luar Persekutuan	4hb Mei, 1963

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

1. Enche' Too Joon Hing bertanya kapada Menteri Kesihatan berapa orang doktor yang telah di-putuskan atau di-chadangkan oleh Kerajaan Persekutuan hendak di-ambil dari Filipina menurut Ranchangan ASA.

2. Enche' Too Joon Hing bertanya kapada Menteri Kesihatan apa kelayakan² yang ada pada doktor² Filipina ini, ada-kah kelayakan² ini di-i'tiraf di-negeri ini dan sa-padan dengan darjah doktor² kita negeri ini.

3. Enche' Too Joon Hing bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan Persekutuan telah menyiasat boleh tidak-nya di-ambil doktor² yang ada kelayakan yang teraku, dari negeri² Commonwealth saperti Ceylon, India, Hongkong dan lain²-nya sa-belum mengambil doktor² dari Filipina.

4. **Enche' Too Joon Hing** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah Medical Council dan Malayan Medical Association telah di-tanya fikiran sa-belum Kerajaan memutuskan hendak meminta doktor² dari Filipina.

5. **Enche' Too Joon Hing** bertanya kepada Menteri Kesihatan apa dia syarat² jawatan yang di-tawarkan kepada doktor² Filipina dan ada-kah syarat² ini telah di-tawarkan kepada doktor² tempatan yang bukan dalam jawatan Kerajaan sa-belum di-tawarkan kepada doktor² Filipina.

6. **Enche' Too Joon Hing** bertanya kepada Menteri Kesihatan, oleh kerana pengetahuan dalam bahasa Melayu itu ia-lah satu daripada sebab yang besar-nya yang menyebabkan banyak doktor² dan doktor gigi telah meletakkan jawatan, dan oleh kerana kekurangan benar doktor² dan doktor gigi, ada-kah Kerajaan telah menimbangkan hendak mengurangkan kelayakan bahasa Melayu, supaya banyak lagi doktor dan doktor gigi mahu masuk dan tinggal berkhidmat dalam jawatan Kerajaan.

7. **Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda** bertanya kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar berapa jumlah belanja pembangunan yang telah di-peruntukkan dan di-keluarkan kepada tiap² Negeri dalam Persekutuan bagi tahun 1962 dan 1963 serta minta butiran mengikut jenis² kerja pembangunan seperti jalan² raya, bangunan² sekolah dan bilek² darjah, parit dan tali-ayer dan lain² lagi.

8. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kerajaan sedar bahawa satu dari kesulitan² memajukan orang² Melayu di-dalam perdagangan dan perusahaan ia-lah tebal-nya monopoli perkauman di-dalam lapangan² itu. Jika sedar, apa-kah rancangan dan langkah² Kerajaan menolong orang² Melayu mengatasi-nya.

9. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah bantuan penoh dan sa-paroh yang telah di-berikan kepada Sekolah² Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan masing² berbahasa pengantar Tamil, China dan Inggeris bagi tahun 1961 dan 1962 masing² bagi seluroh Persekutuan Tanah Melayu.

10. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah langkah² panduan dan pimpinan yang khas di-berikan dengan terator-nya bagi pelajar² yang tinggal di-asrama² sekolah.

11. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah sebab²-nya hingga hari ini kerja pembenaan Sekolah Kebangsaan Badak, Bachok belum pun di-mulai dan bila-kah pembenaan itu akan di-jalankan.

12. **Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani** bertanya kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri benar-kah ada lebih kurang 700 orang anggota Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-beri tugas bekerja di-Singapura pada masa ini. Jika benar maka di-atas asas apa-kah mereka itu bertugas di-sana; di-bawah undang² apa, dengan tugas apa, dan atas syarat² bagaimana.

13. **Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani** bertanya kepada Menteri Pertahanan:

- (a) Benar-kah Anggota Tentera Persekutuan Tanah Melayu telah tidak mendapat Elaun Perkhidmatan Bangsa² Bersatu sa-banyak \$10 seperti yang di-berikan kepada Tentera² dari Negeri² lain yang berkhidmat di-Congo, jika benar, mengapa.

(b) Apa-kah langkah² yang akan di-ambil oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi menuntut Elaun itu daripada Pertubuhan Bangsa² Bersatu dan bila langkah itu di-jalankan, jika tidak berhasil bila-kah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berchadang hendak mengganti kadar Elaun itu kepada Askar² yang telah berkhidmat di-Congo.

14. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kepada Perdana Menteri apa langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menaikkan gaji Anggota² Polis Diraja Persekutuan sekarang.

15. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kepada Perdana Menteri apa keputusan peperiksaan yang di-adakan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perbendaharaan dan Pejabat Perjawatan Persekutuan terhadap gaji pegawai² Polis dan ada-kah akan di-keluarkan penyata rasmi berkenaan ranchangan gaji yang di-ubah.

16. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kepada Perdana Menteri bagaimanakah keadaan menchantumkan di-antara Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sekarang.

17. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kepada Menteri Buroh dan Kebajikan Masharakat, memandang kepada keadaan penganggoran di-Persekutuan Tanah Melayu, ada-kah beliau akan mengumumkan langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan bersangkut dengan Ranchangan Perlindungan bagi penganggor².

18. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kepada Perdana Menteri apa langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masaalah penganggoran.

19. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kepada Menteri Pelajaran apa langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan berkenaan tuntutan gaji sama yang di-buat oleh guru².

20. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan akan meminda sa-puloh peratus daripada pendapatan pembayar² chukai yang di-kechualikan daripada kena chukai kepada lima belas peratus untuk melegakan kesulitan² mereka sa-belum di-kenakan membayar chukai.

21. Enche' Ng Ann Teck bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri apakah tindakan yang di-ambil untuk membekalkan ayer ka-umah² dalam Ranchangan Kemajuan Tanah di-Persekutuan Tanah Melayu.

22. Enche' Ng Ann Teck bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri:

- (a) apa-kah ranchangan² yang ada dalam Ranchangan Kemajuan Tanah untuk mengadakan rumah² bagi penduduk² dalam Ranchangan Kemajuan Tanah;
- (b) rumah² jenis apa-kah yang di-adakan;
- (c) berapa-kah harga sa-buah rumah bagi sa-orang penduduk; dan
- (d) kepada siapa-kah kontrek untuk mendirikan rumah² itu di-beri.